

Dr Mahathir menerima senaskah buku dari Soros yang ditulis olehnya berjudul, "The Age of Falibility".



Dr Mahathir menyambut ketibaan George Soros di bilik perbincangan diadakan. Itu adalah pertemuan yang pertama bagi kedua-dua tokoh itu.

HAMPIR 10 tahun mereka 'bermusuhan' tetapi akhirnya buat pertama kali dapat juga bersua muka di sebuah hotel mewah, 'The Marriot', Kuala Lumpur, pada hari Jumaat bersamaan 15 Disember, 2006 (Hotel Marriot kini dipunyai oleh YTL Corporation. Sebelum itu ia dipunyai seratus peratus oleh seorang usahawan Melayu bernama Dato' Sulaiman Manan, termasuklah gedung beli belah Star Hill dan Lot 10, tetapi entah dimana salah dan silapnya kesemua harta tersebut kini telah terlepas ke tangan bukan Melayu iaitu kumpulan YTL.)


Difahamkan sebelum pertemuan diantara bekas Perdana Menteri, Tun Dr M dengan George Soros, 76, berita tersebut telah menarik perhatian rakyat dan amat ditunggu-tunggu oleh pihak media. Disebabkan perjumpaan empat mata itu dianggap begitu penting untuk diketahui dunia semasa kerana George Soros ialah pelabur antarabangsa dan spekulator matawang terkemuka dunia dan juga salah seorang yang terkaya di Amerika Syarikat. Beliau adalah keturunan Yahudi dari Hungary.

Sebelum berlangsung pertemuan itu mereka telah bertukar-tukar surat sehingga membawa kepada persetujuan untuk bertemu.

Dalam perbincangan mereka yang memakan masa hampir satu jam itu, ERA BARU telah berpeluang mendengar serba sedikit perbincangan mereka dalam bilik tersebut. Apa yang nyata ialah Soros mahukan Dr Mahathir membersihkan nama beliau kerana telah dituduh sebagai orang yang bertanggungjawab berlakunya krisis kewangan Asia pada tahun 1997. Soros menafikan yang beliau ada terlibat langsung dengan keadaan mata wang ketika itu.

Soros juga banyak mengemukakan pertanyaan kepada Dr Mahathir yang dijawab satu persatu oleh bekas Perdana Menteri itu dengan jelas dan tegas. Dalam banyak-banyak isu yang dibangkitkan, Soros bersetuju dengan pendapat Dr Mahathir, bahawa Presiden George W. Bush telah menyalahgunakan kuasa beliau untuk menyerang Iraq menganiaya serta menyiksa rakyat Iraq termasuk ribuan kanak-kanak yang tidak berdosa.

Mereka berdua juga menyentuh tentang pengananan ketua pembangkang Myanmar, Aung San Suu Kyi. Soros menyarankan agar Dr Mahathir memainkan peranan untuk memujuk Presiden Myanmar, Brig. Gen. Than Sawa untuk membebaskan San Suu Kyi dari tahanan dan beliau (Soros) pula akan berusaha untuk



Soros beria-ia menjelaskan sesuatu isu kepada Dr Mahathir dalam pertemuan empat mata itu.



Soros dan Dr Mahathir ceria ketika bersalaman sesudah tamat perbincangan dan kedua-duanya bersetuju melupakan peristiwa lama.

Pertemuan Dr Mahathir - George Soros: MUSUH JADI KAWAN

Deh : Pemberita ERA BARU

Era Baru - 9/3/2007

menghubungi San Suu Kyi.

Dalam hal ini, Dr Mahathir menolak pelawaan tersebut tetapi telah menerangkan kepada Soros yang beliau pernah membincangkan hal itu dengan Presiden Myanmar dalam lawatannya ke Malaysia 5 tahun dahulu. Menurut Dr Mahathir, beliau memberi 'nasihat' kepada Presiden itu tetapi tidak berjaya. Dibawah rejim pemerintah kini, Dr Mahathir melihat bahawa adalah amat sukar bagi sesiapa untuk campurtangan dalam hal ehwal negara itu kerana pendirian kerajaan tersebut yang langsung tidak mahu bertolak ansur.


Soros juga bertanya tentang dasar kerajaan Malaysia yang memberikan 'pembelaan' atau 'keutamaan' kepada kaum Bumiputra. Dr Mahathir menerangkan tentang sebab-sebabnya kerajaan berbuat begitu dan yang tidak berapa disukai oleh bukan bumi tetapi dalam masa yang sama kerajaan bertanggung jawab untuk merapatkan jarak kekayaan diantara bumiputra dan bukan bumiputra, apapun jelas Dr Mahathir mahukan kerajaan sedikit demi sedikit mengurangkan pergantungan Bumiputra kepada kerajaan.

Apabila Dr Mahathir ditanya media kemudiannya samada beliau masih 'berendam' dengan Soros, Dr Mahathir menjelaskan bahawa Soros telah menerangkan yang beliau tidak terlibat kepada apa yang berlaku ketika itu, justeru, beliau telah menerima pengakuan dan penjelasan Soros. Apa pun beliau tetap akan mengambil tindakan yang sama jika perkara seperti itu berlaku kini.

PELUANG

Di akhir pertemuan itu, Soros kelihatan amat berpuas hati dengan penjelasan dari Dr Mahathir dan menganggap Dr Mahathir seorang pemimpin yang tegas dan berani. Beliau mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana diberi peluang menemuinya. Dr Mahathir pula telah dapat menjelaskan kepada Soros bahawa beliau bukan anti-semitic atau anti-Jews seperti yang didakwa kerana beliau juga pernah mengkritik Islam yang extreme.

Ketika Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, beliau pernah menyalahkan Soros sebagai punca terjadinya krisis kewangan di rantau Asia sehingga Dr Mahathir menuduh Soros sebagai penyayang matawang yang mahu menghancurkan ekonomi



Giliran Soros mendengar dengan penuh minat penjelasan dari Dr Mahathir.

negara-negara kecil yang sedang membangun. Sesungguhnya Dr Mahathir telah menggelarkan Soros seorang 'moron' yang telah meruntuhkan ekonomi negara-negara dengan menjual matawang negara-negara berkenaan.

George Soros pula dalam serangan balasny menyifatkan Dr Mahathir sebagai peresak negara. Dalam ucapan beliau di Universiti Johns Hopkins, Amerika Syarikat pada suatu masa dahulu pernah menghasut rakyat Malaysia supaya menggulingkan Dr Mahathir dengan menuduh Dr Mahathir dengan memberi faedah kepada dirinya. Sesungguhnya, Soros menghasut rakyat negara ini menentang Dr Mahathir kerana dasarnya ialah mengekalkan kedudukannya sebagai Perdana Menteri di samping memanjangkan jangka hayat politiknya.

Walaubagaimanapun, Soros ketika berada di London tidak lama selepas itu, menyatakan yang beliau kesal dengan seruan nya supaya Dr Mahathir disingkirkan kerana kenyataannya sedemikian mungkin tidak akan membawa kesan yang diharapkan.

Soros berada di Malaysia untuk melancarkan bukunya bertajuk "The Age of Falibility" yang menyentuh kepada peperangan di dunia dan peranan Amerika Syarikat dibawah Presiden George W. Bush yang telah membawa bencana kepada beberapa negara Islam yang tidak mahu tunduk kepada kehendak dan tekanannya.

Mahathir and Soros bury the hatchet

Mahathir, financier Soros let bygones be bygones

Malaysian ex-leader says billionaire had no role in '97 crisis

Associated Press
 KUALA LUMPUR, Malaysia — Former Malaysian leader Mahathir Mohamed Friday buried the hatchet with George Soros, saying he now accepts that the U.S. financier was not responsible for the 1997 Asian financial crisis.

involved in the currency speculation that triggered the financial crisis. Dr. Mahathir said after a more than one-hour meeting, "I accept that." Dr. Mahathir has for nearly one decade insisted that Mr. Soros, who is Jewish, wrecked the region's economies through currency speculation. He had also said that the attacks on the Malaysian economy were not of



are not happy to see the "Muslims progress." But he has conceded the statements by saying these are the sentiments of the people and not his personal views. Dr. Mahathir met Mr. Soros at a Kuala Lumpur hotel, where Mr. Soros is staying during his two-day visit for a meeting of the London School of Economics Alumni Society. At the height of the

lun-born billionaire, was ranked 27th in Forbes' list of the 400 richest Americans in 2006, with a net worth of \$8.5 billion. He is currently on a regional trip to publicize his new book, "The Age of Falibility," reports said. Dr. Mahathir took bold measures to rejuvenate Malaysia's economy during the economic crisis and, unlike neighboring Thailand and Indonesia, didn't turn to the International Monetary Fund for assistance.